

Headline	Animasi 3D pertama telan RM4j	Language	MALAY
Date	14. Jan 2009	Page No	V14
Media Title	Harian Metro	Article Size	276 cm2
Section	Variasi	Frequency	Daily
Circulation	336603	Color	Full Color
Readership	2192000	AdValue	5951.31



Animasi 3D pertama telan RM4j

Filem Upin dan Ipin ditayangkan serentak di 55 pawagam seluruh negara 12 Februari



>>Oleh Afiq Hanif
afiq@hmetro.com.my

Filem animasi 3D sulung terabit menggunakan dua perisian penting termasuk Maya dan MentalRay selain animasi pertama yang menggunakan teknik perkomputeran grid dibekalkan penyedia teknologi tempatan, Mimos Bhd.

Menurut Pengarah Kreatif dan Pemasarannya, Mohd Nizam Abdul Razak, Mimos memainkan peranan penting dalam menawarkan perkakasan perkomputeran grid yang membantu teknik 'render' bagi menghasilkan animasi berkualiti tinggi.

"Perkakasan berjuta-juta ringgit oleh Mimos memberi peluang kepada kami melakukan teknik



NIZAM...sasar ke Disney.

render yang mengurangkan masa pembikinan animasi 3D kerana kebiasaannya ia mengambil tempoh lebih setahun.

"Namun, melalui perkomputeran grid, tempoh masa terabit berjaya dikurangkan ke enam

hingga lapan bulan saja yang secara tidak langsung menjimatkan kos operasi," kata Nizam.

Filem 90 minit yang dijangka ditayangkan serentak di 55 pawagam seluruh negara 12 Februari ini menggunakan 40 tenaga kerja berbanding ratusan kru yang bekerja untuk menghasilkan animasi terhebat seperti Toy Story dan Incredible.

Nizam berkata, syarikatnya berharap mendapat kutipan lebih enam RM6 juta memandangkan jenama animasi serta kekuatan siri Upin dan Ipin sudah bertapak di negara ini.

"Kualiti yang dihasilkan melalui teknologi tempatan menyamai

standard filem animasi Hollywood malah kos menghasilkanannya lebih murah jika dibandingkan di sana (Amerika Syarikat)," katanya.

Kata Nizam, beberapa negara lain kini berminat menggunakan Malaysia sebagai hab untuk mencipta siri atau filem animasi 3D memandangkan kosnya lebih berpatutan.

"Kami sudah bekerjasama dengan Indonesia dan menunggu projek animasi lain apabila Argentina, Korea dan syarikat televisyen Hollywood seperti Disney dan Nickelodeon berminat untuk mendapatkan animasi kami," katanya.

AKHIRNYA penantian penggemar karakter Upin dan Ipin berpeluang memenuhkan panggung wayang bulan depan apabila syarikat animasi tempatan, Les Copaque Production berjaya menghasilkan filem animasi 3D pertama iaitu Geng Pengembaraan Bermula yang menelan belanja RM4 juta.